

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TAHUN 2020**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KAPAR]**

SOALAN

DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KAPAR] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah Kementerian untuk mengawal syarikat yang tidak mematuhi syarat gaji minima.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Perintah Gaji Minimum 2020 baharu dilaksanakan bermula 01 Februari 2020 di mana terdapat 56 Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran sahaja yang terlibat dengan gaji minimum RM1,200. Penguatkuasaan terhadap Perintah Gaji Minimum dilaksanakan di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 [Akta 732] oleh 503 orang pegawai penguatkuasa dari Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), Jabatan Tenaga Kerja Sabah dan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak.

2. Di antara mekanisme yang dilakukan oleh Kerajaan bagi memastikan Perintah Gaji Minimum 2020 dilaksanakan oleh majikan ialah melalui pemeriksaan berkala yang dijalankan oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK) dan operasi gaji minimum yang dijalankan oleh Pasukan Khas Penguatkuasaan JTK ke atas premis-premis majikan. Melalui aktiviti

SOALAN NO : 13

tersebut, pengauditan ke atas daftar gaji, daftar pekerja dan terma-terma penggajian lain termasuk kemudahan-kemudahan yang disediakan, keadaan keselamatan tempat kerja dan sebagainya diperiksa bagi memastikan majikan mematuhi peruntukan di bawah undang-undang buruh. Pada tahun 2020 sehingga 31 Julai, sebanyak 13,206 pemeriksaan berkanun telah dilaksanakan melibatkan jumlah pekerja seramai 364,305 orang.

3. Kertas siasatan dan pendakwaan terhadap sesuatu pelanggaran akan dikeluarkan kepada majikan yang didapati melanggar peruntukan undang-undang perburuhan. Sekiranya terdapat pelanggaran atau ketidakpatuhan Perintah Gaji Minimum 2020 oleh majikan, pendakwaan akan dijalankan di bawah Seksyen 43 Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 [Akta 732] di mana majikan yang tidak membayar gaji pokok sebagaimana dinyatakan dalam Perintah Gaji Minimum kepada pekerjanya melakukan kesalahan, dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap pekerja. Bagi tahun 2020 sehingga 31 Julai, sebanyak 12 kertas pendakwaan telah diberi izin untuk didakwa.

Sekian, terima kasih.